

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1987/88

PLG 295 - Pengantar Kaedah Mengajar Matapelajaran Ilmu
Kemanusiaan Am

Tarikh: 5 April 1988

Masa: 2.15 petang - 5.15 petang
(3 jam)

Jawab TIGA (3) soalan sahaja. SATU (1) soalan dari Bahagian A (20 markah), dan DUA (2) soalan dari Bahagian B (40 markah tiap-tiap satu). Gunakan muka surat yang berasingan bagi tiap-tiap soalan.

Bahagian A

1. Di antara tujuan utama Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) diperkenalkan ialah untuk mengatasi kelemahan-kelemahan yang terdapat di dalam sistem pendidikan sekarang. Apakah kelemahan-kelemahan yang dimaksudkan dan bagaimana KBSM cuba mengatasi masalah ini.
2. Dengan memberikan contoh-contoh yang sesuai, bincangkan bagaimana KBSM dapat mencapai matlamatnya untuk melahirkan pelajar yang boleh menyesuaikan diri dalam masyarakat.

Bahagian B

1. Bincangkan kelebihan dan kelemahan kaedah Inkuiri (tinjausiasat) sebagai satu kaedah dalam proses pengajaran-pembelajaran matapelajaran Ilmu Kemanusiaan.
2. Mengapakah kaedah kerja luar berbeza dari kaedah-kaedah pengajaran yang lain? Apakah peranan seorang guru di dalam melaksanakan kaedah ini dan sejauhmanakah kaedah ini dapat memberikan pengalaman yang berguna kepada murid-murid?

...2/-

3. Kaedah perbincangan adalah satu kaedah pengajaran yang dapat membantu murid-murid dalam menyuarakan pendapat serta menilai semula pendapat orang lain. Bincangkan.

4. Apakah yang dimaksudkan dengan "gabungjalin" dalam proses pengajaran-pembelajaran? Dengan memberikan contoh-contoh yang sesuai, bincangkan bagaimana ianya dapat dilaksanakan dalam proses pengajaran-pembelajaran matapelajaran pilihan anda.

ooo0ooo